

TINDAKAN JAMIN

05 DEC 1992

(P)

KUALA LUMPUR 5 Dis. — Perdana Menteri memberi jaminan akan melindungi mana-mana individu yang tampil membuat laporan akibat dianiaya oleh pihak istana.

Serentak dengan itu, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menggesa mana-mana individu yang sebelum ini dianiaya oleh pihak tertentu termasuk istana untuk membuat laporan polis bagi membolehkan tindakan diambil.

"Tidak ada peruntukan undang-undang yang memberi hak kepada sesiapa memukul atau membunuh seseorang.

"Kita dengar ada pihak-pihak tertentu membawa seseorang itu ke istana dan setelah itu orang tersebut dipukul. Ini tidak boleh dilakukan pada zaman moden, zaman dahulu kala bolehlah," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan MIC di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas insiden campur tangan istana Johor di dalam pentadbiran kerajaan dan pentadbiran sukan negara ini.

Campur tangan tersebut dikatakan membawa kepada insiden jurulatih Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB), Douglas Gomez dipukul semasa pergi ke istana.

Ekoran daripada campur tangan tersebut, kabinet dalam mesyuarat mingguannya Rabu lalu membincangkan perkara tersebut dan mengeluarkan kenyataan tegas mengingatkan mana-mana pihak supaya tidak mencampuri urusan kerajaan.

Hari ini, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Dato' Sri Najib Tun Razak telah memberi amaran akan mengambil tindakan

politik' terhadap istana sekiranya masih terus campur tangan dalam hal ehwal sukan dan kerajaan.

Isu campur tangan ini timbul apabila pasukan hoki MSAB menarik diri di peringkat perlawanan separuh akhir Kejohanan Antara Sekolah Malaysia Persatuan Hoki Malaysia (PHM)/Milo minggu lalu yang dikatakan bertindak atas arahan istana.

Tindakan tersebut dikatakan merupakan tindak balas istana terhadap PHM yang mengambil tindakan ke atas putera Sultan Johor, Tengku Majid kerana didapati bersalah memukul penjaga gol hoki Perak di Johor Baharu tidak lama dahulu.

Menurut Dr. Mahathir, beliau sedih jika ada rakyat negara ini yang dipukul oleh pihak-pihak tertentu tetapi tidak membuat laporan polis kerana takut.

"Sepatutnya rakyat Malaysia tidak perlu rasa takut terutama mengenai perkara yang menyentuh keadilan mereka kerana mereka diberi perlindungan di bawah undang-undang... tidak ada sesiapa yang boleh memukul seseorang itu sesuka hati mereka," ujar beliau.

Mengulas lebih lanjut lagi, Perdana Menteri berkata, beliau mendengar banyak cerita bahawa ada rakyat yang dipukul takut untuk membuat laporan polis.

"Saya dengar ada orang dipukul kerana memandu kereta laju, ini tidak harus berlaku dan rakyat perlu membuat laporan bagi membolehkan tindakan diambil," tambahnya.

Beliau juga menegaskan, kerajaan tidak akan berdiam diri sekiranya ada laporan dibuat kerana berpendapat bukan menjadi hak sesiapa memukul seseorang.

Ditanya adakah tindakan pihak istana

LIHAT MUKA 6

PERLINDUNGAN ISTANA PM

TINDAKAN ISTANA: PM JAMIN PERLINDUNGAN

memukul seseorang kerana mereka berpendapat mereka berada di atas undang-undang?

Dr. Mahathir menjawab, "Mereka tidak terletak di atas undang-undang jika memukul orang".

Menjawab soalan adakah Gomez telah membuat laporan polis, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu sama ada laporan tersebut telah dibuat atau tidak.

"Bagaimanapun saya mengulangi, adalah menyedihkan jika laporan polis tidak dibuat," ujarnya.

Mengenai insiden Gomez yang dibawa ke istana, Dr. Mahathir berkata, walaupun tindakan tidak boleh diambil kepada pihak tertentu tetapi orang yang 'menculik' Gomez untuk dibawa ke istana masih boleh dikenakan tindakan.

Ini kerana kata beliau, orang tersebut telah melakukan kesalahan dan dia tidak akan dilindungi oleh undang-undang.

Ditanya adakah seseorang itu mesti patuh kepada arahan istana yang meminta seseorang itu datang ke istana, Dr. Mahathir menjelaskan, arahan tersebut tidak mempunyai kuasa undang-undang dan terpuang kepada individu berkenaan untuk menerima dan menolak arahan berkenaan.

Dr. Mahathir juga ditanya apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah campur tangan istana sedangkan di dalam Perlembagaan dan Perisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan sudah dinyatakan dengan jelas bahawa raja-raja tidak boleh campurtangan di dalam urusan pentadbiran kerajaan.

Beliau berkata, kerajaan akan mengkaji untuk menguatkuasakan undang-undang negara supaya tidak ada sesiapa yang boleh dianiaya oleh mana-mana pihak.

"Memang benar ada keistimewaan yang diberikan kepada pihak-pihak tertentu tetapi jika pukul atau bunuh orang, kerajaan tetap akan mengambil tindakan," jelasnya.

Mengenai insiden campurtangan istana Johor baru-baru ini secara keseluruhannya, Dr. Mahathir menjelaskan, kerajaan kecewa dengan perbuatan tersebut.

Kata beliau, sepatutnya orang yang tidak ada kenamengena dengan urusan kerajaan tidak boleh memberi arahan kepada mana-mana pegawai kerajaan terutama arahan yang tidak sepatutnya dibuat oleh pihak-pihak tersebut.